

Spektrum OPSEN

Apa yang menarik bulan ini?

Pameran 1001 Inventions Tarikan Utama Pengunjung ke Pusat Sains Negara



Pendidikan Aeroangkasa Tarik Minat Generasi Muda

1

Karnival Kimia Malaysia: Cetus Inspirasi Dalam Bidang Sains

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Persiaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401

W : www.psn.gov.my

Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

PAMERAN 1001 INVENTIONS TARIKAN UTAMA PENGUNJUNG KE PUSAT SAINS NEGARA

Pusat Sains Negara: Pameran '1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' yang dibawa oleh Science Discoveries dengan kerjasama Pusat Sains Negara telah mula dibuka sejak 31 Ogos 2013 yang lalu. Pameran ini dijangka mendapat sambutan yang cukup meriah daripada orang ramai kerana buat julung-julung kalinya dibawa ke Malaysia.

Pameran ini menyediakan bahan pameran yang interaktif dan telah dibahagikan kepada 5 zon utama iaitu Engineering Zone, Hospital Zone, Universe Zone, School Zone dan World Zone. Matlamat utama pameran ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai pencapaian saintifik dan kebudayaan tamadun Islam pada kurun ketujuh dan tahun berikutnya. Di samping itu, pameran ini juga mampu memberikan inspirasi kepada masyarakat terutamanya golongan muda untuk menanam minat dalam bidang sains dan teknologi.



Diharapkan semoga pameran '1001 Inventions' dapat menarik minat seluruh masyarakat untuk datang kerana pameran ini telah menerima lebih tiga juta pengunjung ketika penganjurannya di London, Istanbul, New York, Los Angeles, Washington dan Asia barat sebelum ini.

PENDIDIKAN AEROANGKASA TARIK MINAT GENERASI MUDA

Malaysia Aerospace Education Day yang dianjurkan bersama oleh MOSTI, Pusat Sains Negara dan The Boeing Company telah berlangsung dengan jayanya pada 10 September 2013 di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Program ini telah dirasmikan oleh YB. Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Presiden Boeing Asia Tenggara, Ralph Boyce, Naib Presiden F/A 18 & EA-18 Programs, Mike Gibbons dan wakil kedutaan Amerika Syarikat, Lee McClenney.

Seramai 200 orang pelajar dari beberapa buah sekolah menengah di sekitar Lembah Klang hadir dalam program yang berlangsung selama sehari ini. Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang kepentingan aeroangkasa serta usaha untuk menarik minat pelajar supaya berkecimpung dalam bidang ini pada masa depan.

Semoga program sebegini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang sebagai salah satu langkah pendekatan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar sekolah mendalami bidang sains dan teknologi.



KARNIVAL KIMIA MALAYSIA: CETUS INSPIRASI DALAM BIDANG SAINS

Pada 7 dan 8 September yang lalu, telah berlangsung Karnival Kimia Malaysia bertempat di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur. Penganjuran program ini adalah hasil usahasama Pusat Sains Negara dengan Jabatan Kimia Malaysia, Institut Kimia Malaysia, Petrosains dan Akademi Sains Malaysia. Di samping itu, program ini turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Penganjuran Karnival Kimia Malaysia pada tahun ini adalah bertemakan 'Natural vs Synthetic Polymers'. Antara intipati program sepanjang karnival ini berlangsung ialah ceramah serta demonstrasi secara hands-on yang disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan. Kesemua topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan tema pada tahun ini.

Majlis perasmian karnival ini telah dihadiri oleh Datuk Dr. Soon Ting Kueh, Presiden Institut Kimia Malaysia dan telah dirasmikan oleh Puan Azizah Ariffin, Setiausaha Bahagian Teras Sains dan Teknologi bagi mewakili Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.



SANA-SINI PSN

MAJLIS APRESIASI & SAMBUTAN HARI RAYA PSN

30 Ogos 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



KURSUS PENGENALAN PERTOLONGAN CEMAS & CPR

6 September 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur



KARNIVAL KREATIVITI & SCIENCE4U 2013

21 September 2013
Cheng
Melaka



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Lipas mempunyai 13 ruang dalam jantungnya

berbanding manusia yang hanya mempunyai

4 ruang sahaja.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

SCIENCE KIDS

29 - 4 Oktober 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

**PAMERAN
1001 INVENTIONS**

31 Ogos 2013 - 28 Februari 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur


FESTIVAL SAINS 2013

30 November - 8 Disember 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

**PERTANDINGAN
ROBOT COMBAT**

6 - 13 Oktober 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

**1001 INVENTIONS**

Buku ini memberikan gambaran bahawa satu revolusi ilmu dan akademik telah meletus dan berkembang di salah satu sudut lain dunia. Setelah beberapa abad, cendekiawan Islam telah menembusi sempadan pengetahuan yang menjangkau masa hadapan di mana inovasi mereka telah membentuk peradaban hari ini. Pencapaian yang mengejutkan ini telah mempengaruhi perkembangan moden bidang matematik, sains, kejuruteraan dan perubatan. 1001 Inventions: The Legacy of Muslim Civilization memberi cahaya baru kepada era ini dan menjadi sesuatu yang perlu dibanggakan serta dijadikan warisan bersama.

AIR CANNON**FUNGSI**

Pengunjung dapat mengetahui konsep bunyi yang wujud disebabkan oleh getaran udara. Apabila gendang dipukul, getaran yang terhasil akan menyebabkan udara bergetar serta gelombang yang mempunyai tekanan udara berbeza akan bergerak dan menyebabkan kepingan disk pada papan sasaran bergerak.

